

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 07 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menetapkan piawaian tawaran gaji pekerja swasta mengikut taraf akademik pekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penetapan gaji yang dibuat oleh Kerajaan adalah Gaji Minima di bawah Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), Kementerian Sumber Manusia. Mengikut penetapan tersebut, setiap pekerja di Malaysia (pekerja tempatan dan pekerja asing) perlulah di bayar gaji minima (upah pokok) sebanyak RM1,100.00 Arahan ini adalah terpakai ke atas setiap pekerja di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
2. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, amalan / praktis tawaran gaji yang lazimnya di buat oleh majikan swasta adalah berdasarkan kepada mekanisme pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam usaha untuk memastikan taraf pembayaran gaji pekerja di Malaysia adalah setimpal dengan produktiviti yang dihasilkan, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia telah mengambil strategi dengan menggalakkan majikan melaksanakan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS). PLWS mewujudkan hubungan saling melengkapi di antara upah dan produktiviti pekerja. Melalui pelaksanaan sistem ini, ia membolehkan pekerja-pekerja mendapat upah yang adil melalui hasil daripada peningkatan produktiviti dan prestasi mereka. PLWS diimplementasikan oleh kerajaan untuk melahirkan budaya kerja berdasarkan prestasi dan produktiviti.

4. Sehingga September 2019, bilangan majikan yang melaksanakan PLWS adalah sebanyak 86,917 majikan dengan jumlah pekerja yang menikmati faedah PLWS adalah seramai 4,530,102 orang pekerja.

5. Selain daripada pelaksanaan PLWS, pemberian ganjaran atau insentif berdasarkan prestasi/produktiviti juga boleh dinyatakan secara jelas dalam Perjanjian Kolektif. Perjanjian Kolektif merupakan satu dokumen perjanjian yang ditandatangani di antara majikan dan kesatuan sekerja pekerja dan diperakukan (*cognizance*) oleh Mahkamah Perusahaan. Ia mengandungi terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan seperti bayaran bonus, kenaikan gaji dan insentif-insentif berasaskan prestasi dan produktiviti.